



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1748

**AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA
(PINDAAN) 2025**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	5 Februari 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	20 Februari 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1748

AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA (PINDAAN) 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*] dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “kontrak perkhidmatan” dengan takrif yang berikut:

‘ “kontrak perkhidmatan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], seksyen 2 Ordinan Buruh Sabah [*Bab 67*] dan seksyen 2 Ordinan Buruh Sarawak [*Bab 76*];’.